جابتن ڤنديديقن كوكوريكولوم
JABATAN PENDIDIKAN KOKURIKULUM
KEMENTERIAN PENDIDIKAN

BULETIN RASMI PENDIDIKAN KOKURIKULUM

MEDIA KOKU

MEI - NOVEMBER 2020

Edisi 2

IKS Penghargaan Atlet Cemerlang

1 IKS Penghargaan Atlet Cemerlang

3 Projek Infaq Khairat Jabatan Pendidikan Kokurikulum

5 63 Pain Darah Berjaya Dikumpul Sempena Sambutan Hari Guru Ke-30, Tahun 2020

6 Bengkel Pemimpin Anugerah Kokurikulum Kebangsaan

7 Sesi Sosialisasi AKK: 5 Buah Sekolah Menengah Rintis

وَتَعَاوَنُوا۟ عَلَى ٱلْبِرِّ وَٱلتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا۟ عَلَى ٱلْإِثْمِ وَٱلْعُدْوَٰنِ ۚ
وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿٢﴾

"Dan tolong-menolonglah kamu dalam (melakukan) kebaikan dan ketakwaan, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan permusuhan. Bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya, Allah sangat berat seksaan-Nya"

Surah Al Maidah: Ayat 2

ISI KANDUNGAN

MEDIA KOKU

Secangkir Teh Pemangku Pengarah

Buletin Utama

1. IKS penghargaan atlet cemerlang
3. Projek Infaq Khairat, Jabatan Pendidikan Kokurikulum
5. 63 pain darah berjaya dikumpul
6. Guru-Guru Sekolah Menengah Rintis sertai Bengkel Pemimpin AKK
7. Sesi Sosialisasi: Lima Buah Sekolah Menengah Rintis

Data Penglibatan

8. Data kegiatan dan aktiviti kokurikulum tahun 2020

Urusetia Majlis Sukan

9. *Professional development* Jurulatih-Jurulatih sambilan *COT*
10. *Professional development*: *Strength and conditioning*
10. *Cross-Training* sukan silat dan olahraga
11. *Cross Training* aktiviti sempena cuti persekolahan
11. 40 Atlet menjalani ujian kecergasan

Unit Jasmani

12. Freestyle Football Challenge: *COVID-19* bukan penghalang

Unit Rohani

13. Pengukuhan Asas Kerohanian: Pertandingan Azan dan Murattal Sekolah-Sekolah Rendah Senegara
14. Cungkil bakat murid menyampaikan tazkirah
15. Peringkat Akhir Pertandingan Tilawah Al-Quran Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab secara Atas Talian
16. Penyampaian Hadiah Pertandingan Azan dan Murattal Sekolah-Sekolah Rendah Senegara
17. Penyampaian Hadiah Pertandingan Tazkirah Cilik Peringkat Sekolah -Sekolah Rendah Senegara
18. Penyampaian Hadiah Pertandingan Tilawah Al-Quran Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab
18. Penyerahan Tar Hadrah ke lima buah Sekolah Menengah Kluster 5

Unit Akli

19. 4 Lukisan terbaik IHSAF dihantar ke IFAC, Tokyo Jepun
20. Taklimat Pertandingan Akhir Bicara Berirama
21. 18 pelajar sertai *Event Management Workshop (Youth Involvement)*
22. 54 pegawai dan kakitangan JPKK sertai Bengkel Permainan Tradisi Pasang
23. Pertandingan Permainan Tradisi Pasang pegawai-pegawai dan kakitangan JPKK
24. Bengkel Pengucapan Awam: Uji kebolehan pelajar
25. Dayang Fatin Noor Hasibah muncul johan Pertandingan Klip Video Deklamasi Puisi
26. 4 buah sekolah rendah dan 4 buah sekolah menengah mara ke Peringkat Akhir
27. *"We are together - Fight against Covid-19"* mendapat sambutan pelajar
27. Majlis penyerahan pemenang pertandingan lukisan *'We are together—Fight against COVID-19"*
28. Orator melahirkan petah bistari
29. Memupuk daya kreativiti murid dalam Pertandingan Lukisan Poster 'Perubahan Iklim'

Unit Pentadbiran

31. Bengkel pengurusan prestasi dan *key performance indicator (KPI)* pegawai-pegawai penilai JPKK
32. Aktiviti *Fun Tabata*, JPKK

Unit Pengurusan Data dan Maklumat

33. Guru-Guru CCA hadiri klinik CCA iNEIS
34. Sesi sosialisasi sekolah menengah: Pendekatan Baharu Pelaksanaan dan Pengiktirafan Aktiviti Kokurikulum Tahun 2021
36. Sesi sosialisasi sekolah rendah: Pendekatan Baharu Pelaksanaan dan Pengiktirafan Aktiviti Kokurikulum tahun 2021

Quick Facts

38. *Quick Facts* Jabatan Pendidikan Kokurikulum

Visi

Pendidikan Kokurikulum yang berkualiti
Ke arah pembangunan pelajar yang **holistik**

Misi

Memberikan / Melaksanakan **Program dan Perkhidmatan Aktiviti Kokurikulum** untuk memastikan **Pendidikan Kokurikulum yang adil dan saksama**

PENASIHAT

Pengarah Pendidikan Kokurikulum

KETUA EDITOR

Penolong Pengarah

AHLI SIDANG EDITOR

Urusetia Majlis Sukan
Ketua Unit Jasmani
Ketua Unit Rohani
Ketua Unit Akli
Ketua Unit Beruniform dan Perkhidmatan Kemasyarakatan
Ketua Unit Pentadbiran
Ketua Unit Pengurusan Data

BAHAN BERITA

Setiap Unit dan Cawangan

PENYELARAS ATAS TALIAN DAN FOTOGRAFI

Unit Media

TERBITAN

Jabatan Pendidikan Kokurikulum
Jalan 10, Kampong Perpindahan Lambak Kanan,
Berakas, BC2314, Negara Brunei Darussalam

Emel **info.dcce@moe.gov.bn**
Facebook **Department of Cocurricular Education Brunei**
Instagram **@infodcce.bn**
Tel **+673 2333041/ 43/ 53/ 54**
Faks **+673 2332976**
Laman Web **http://www.moe.gov.bn**

Pelbagai ilmu yang disampaikan
Aneka kemahiran yang diajarkan
Banyak pemikiran telah dicurahkan
Kesempurnaan sahsiah diri diusahakan

Mohamad Aqilah Draman
1 Disember 2020

Secangkir Teh bersama PEMANGKU PENGARAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

AWANG MOHAMAD NORILHAM BIN HJ JAIS

PEMANGKU PENGARAH

Salam Muhibbah.

Alhamdulillah dipanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-NYA jua, 'Media Koku' Edisi 2 telah berjaya diterbitkan. Penerbitan 'Media Koku' ini adalah sebagai wadah bagi memberigakan kegiatan dan aktiviti yang telah dikendalikan oleh Jabatan kepada pihak-pihak yang berkepentingan.

Jabatan Pendidikan Kokurikulum akan terus memberikan galakan dan dorongan kepada para pelajar untuk terus aktif dalam menyertai kegiatan dan aktiviti kokurikulum sama ada di peringkat sekolah, kebangsaan mahupun antarabangsa. Pada masa ini, Negara masih berada ditahap berjaga-jaga dalam menghadapi pandemik Covid-19, namun kegiatan dan aktiviti kokurikulum tetap dilaksanakan dengan menggunakan norma baharu iaitu menggunakan kaedah pelaksanaan secara atas talian dan virtual mengikut kesesuaian kegiatan dan kapasiti sekolah-sekolah. Pendekatan ini juga bagi menyokong dan mendokong pelaksanaan *Digital Steering Transformation Committee* (DSTC) ke arah era Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0). Dengan pelaksanaan kaedah norma baharu ini diharap akan memberikan kualiti yang lebih baik dan sempurna dalam menghasilkan perkembangan pelajar yang kreatif, inovatif dan produktif.

Akhir kata, setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak sekolah, guru-guru serta para pelajar dalam sama-sama memberikan komitmen dan sokongan terhadap kegiatan dan aktiviti kokurikulum. Sekalung penghargaan juga ditujukan kepada ahli jawatankuasa 'Media Koku' yang telah berusaha untuk menyempurnakan penerbitan majalah ini. Semoga segala sumbangan dan tenaga yang diberikan akan mendapat ganjaran daripada-NYA.

Aamiin Ya Rabbal 'Alamin.

Wabillahi Taufiq Walhidayah

Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

"Hidup itu seperti air panas, gula, dan uncang teh di dalam cawan, harus berusaha dengan cara mengaduknya agar berwarna dan terasa manis."

IKS Penghargaan Atlet Cemerlang

BERAKAS, 05 September 2020, Sabtu – Kementerian Pendidikan melalui Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Brunei Darussalam (MS SSBD), Jabatan Pendidikan Kokurikulum telah mengadakan Majlis Penyampaian Insentif Kecemerlangan Sukan bagi atlet yang mencapai kecemerlangan di Kejohanan Sukan Sekolah-Sekolah ASEAN Kali Ke-11 Tahun 2019 yang berlangsung di Dewan Utama, Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan.

Hadir bagi menyempurnakan penyampaian hadiah Insentif Kecemerlangan Sukan ialah Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd Salleh, Timbalan Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Para penerima Insentif Kecemerlangan Sukan (IKS) ini adalah Awang Mohd Mahadir @ Danish Naqiuddin bin Mahmud dari Sekolah Sukan telah berjaya mendapat satu Pingat Perak bagi acara Silat Kategori Seni Tunggal Putra dengan jumlah kutipan 447 mata; manakala Awang Danielle Riveera Anak Layang dari Sekolah St Angela telah berjaya mara ke peringkat akhir (8 terbaik) dalam acara olahraga 100 meter dan 200 meter dengan catatan masa 11.18s (100 meter) dan 22.94s (200 meter).

Sementara itu, Dayang Shana Marie Holmes dari Sekolah Antarabangsa Jerudong telah berjaya mara ke peringkat akhir (8 terbaik) dalam acara olahraga 800 meter dengan catatan masa 2:41:63 dan Dayang Ashely Chai dari Sekolah Antarabangsa Jerudong telah berjaya mara ke peringkat akhir (8 terbaik) bagi acara 200 Meter Kuak Lentang dengan catatan masa 2:42:97.

Sambungan muka **2**

Dari sambungan muka **1**

Para penerima Insentif Kecemerlangan Sukan (IKS) ini menerima sijil pengiktirafan dan wang tunai.

Pemberian Insentif Kecemerlangan Sukan (IKS) ialah sebagai penghargaan di atas pencapaian para atlet sama ada di peringkat kebangsaan, serantau mahupun antarabangsa.

Pemberian insentif juga sebagai galakan dan motivasi agar atlet pelajar ini akan terus berusaha bersungguh-sugguh ke arah meningkatkan prestasi mereka demi untuk mencapai kejayaan dan seterusnya mengharumkan nama MS SSBD khasnya dan Negara Brunei Darussalam amnya bertanding di persada sukan yang mereka ceburi.

Pada Kejohanan Sukan Sekolah-Sekolah ASEAN Ke-11, yang berlangsung pada 17 hingga 25 Julai 2019 di Semarang, Indonesia tahun lalu, seramai 36 atlet negara ini menyertai kejohanan tersebut dalam enam acara sukan iaitu Badminton, Olahraga, Renang, Sepak Takraw, Pencak Silat dan Pingpong.

Projek Infaq Khairat
Jabatan Pendidikan Kokurikulum

Projek Infaq Khairat merupakan salah satu projek kemasyarakatan yang dianjurkan oleh Unit Beruniform dan Perkhidmatan Kemasyarakatan, Jabatan Pendidikan Kokurikulum. Projek ini mengumpul dan mengagihkan bantuan sedekah berupa makanan asasi dan barangan keperluan kesihatan seperti *face mask*, *hand sanitizer* dan sebagainya kepada keluarga yang susah dan daif di ke empat-empat daerah. Sasaran penerima adalah satu keluarga di setiap daerah dan setiap keluarga itu hendaklah mempunyai anak yang masih bersekolah.

Projek ini bertujuan menggalakkan semangat budaya tolong menolong di kalangan warga Jabatan Pendidikan Kokurikulum dalam memberikan perhatian dan pemedulian terhadap golongan yang memerlukan dan kurang upaya dalam masyarakat.

Penyerahan sumbangan kepada sebuah keluarga penerima di Daerah Belait telah diserahkan oleh Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Awang Norilham bin Haji Jais dan Awang Haji Eady Sardi bin PDDSDP Haji Abdul Razak, Ketua Cawangan Daerah Belait.

Penyerahan sumbangan projek infaq khairat diteruskan lagi di Daerah Tutong pada 17 Ogos 2020. Sumbangan telah diserahkan oleh Ketua Unit Beruniform dan Perkhidmatan Kemasyarakatan, Dayang Hajah Rosediana binti Haji Hidop dan Awang Zamain bin Sia, Ketua Cawangan Daerah Tutong.

Sambungan muka 4

Dari Sambungan muka **3**

Bagi Daerah Brunei Muara pula, penyerahan sumbangan telah diserahkan oleh Yang Mulia Pemangku Penolong Pengarah dan Ketua Unit Akli, Dayang Hajah Hajidah binti Haji Abdul Wahab pada 24 Ogos 2020.

Sebelumnya penyerahan sumbangan kepada penerima di Daerah Temburong telah dilaksanakan pada 19 Ogos 2020 yang lalu.

Majlis penyampaian sumbangan tersebut telah diserahkan oleh Ketua Unit Strategik dan Perhubungan Maklumat, Dayang Hajah Hartini binti Haji Donglah dan Dayang M.Zaimah binti Mohd Said, Ketua Cawangan Daerah Temburong seperti dalam gambar di bawah.

63 pain darah berjaya dikumpul Sempena Sambutan Hari Guru Ke-30, Tahun 2020

BANDAR SERI BEGAWAN, 30 September, Rabu - Jabatan Pendidikan Kokurikulum melalui Unit Beruniform dan Perkhidmatan Kemasyarakatan dengan kerjasama Pusat Pendermaan Darah Hospital RIPAS telah mengadakan Kempen Derma Darah sempena Sambutan Hari Guru ke-30 tahun 2020. Kempen berkenaan telah diadakan selama dua hari iaitu pada 29 dan 30 September 2020 bertempat di Dewan Persidangan Utama (P1), Blok A, Kementerian Pendidikan.

Kempen Derma Darah tersebut telah berjaya mengumpul 63 pain darah bagi membantu menambah tabung darah Hospital RIPAS khusus bagi pesakit-pesakit yang memerlukan. Penderma-penderma darah adalah terdiri dari warga Kementerian Pendidikan dan orang awam.

Guru-Guru Sekolah Menengah Rintis sertai Bengkel Pemimpin AKK

BANDAR SERI BEGAWAN, 22 Oktober, Khamis - Jabatan Pendidikan Kokurikulum melalui Unit Beruniform dan Perkhidmatan Kemasyarakatan telah mengadakan Bengkel Pemimpin Anugerah Kokurikulum Kebangsaan (AKK) bagi guru-guru dari enam (6) buah sekolah menengah rintis yang terpilih. Bengkel berkenaan telah diadakan selama 3 hari iaitu pada 20, 21 dan 22 Oktober 2020 bertempat di ruang legar, Jabatan Pendidikan Kokurikulum.

Para pembengkel adalah terdiri dari Pegawai-Pegawai Unit Beruniform dan Perkhidmatan Kemasyarakatan yang diketuai oleh Dayang Hajah Rosediana binti Haji Hidop dan Awang Muhammad Arif bin Abdul Hadi selaku pengurus Bengkel. Di samping itu, turut dijemput beberapa Pegawai dari *Outward Bound Brunei Darussalam* (OBBD) bagi menyampaikan satu sesi khas pada hari penutup bengkel.

Objektif bengkel adalah memberikan kefahaman konsep Anugerah Kokurikulum Kebangsaan (AKK) kepada guru-guru pemimpin dan memberikan pengetahuan cara membuat penilaian bagi penanugerahan AKK kepada pelajar-pelajar. Bengkel AKK ini telah dihadiri oleh seramai 26 orang guru dan 4 orang pegawai dari Jabatan.

Enam Sekolah Rintis tersebut iaitu Maktab Sultan Omar Ali Saifuddien, Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Sekolah Menengah Muda Hashim Tutong, Sekolah Menengah Perdana Wazir Kuala Belait dan Sekolah Menengah Sultan Hasan Bangar.

Majlis penutup Bengkel Pemimpin Kokurikulum Kebangsaan telah diadakan pada 22 Oktober 2020 dan hadir selaku Tetamu Kehormat ialah Yang Mulia Dayang Hajah Hajidah binti Haji Abdul Wahab, Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum.

Sesi Sosialisasi AKK: Lima buah Sekolah Menengah Rintis

Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan telah menjalankan Sesi Sosialisasi Anugerah Kokurikulum Kebangsaan di lima buah Sekolah Menengah Rintis.

Tujuan sesi sosialisasi ini diadakan adalah untuk memberikan kefahaman mengenai konsep, perlaksanaan dan pengetahuan penganugerahan Anugerah Kokurikulum Kebangsaan (AKK) kepada pelajar-pelajar Tahun 8.

- 5 November 2020, sesi sosialisasi pertama telah diadakan di Maktab Sultan Omar Ali Saifudden dengan keramaian 172 pelajar.

- 9 November 2020, seramai 190 pelajar dari Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna telah menghadiri sesi sosialisasi tersebut.

- 12 November 2020, sesi sosialisasi bagi Sekolah Menengah Sultan Hassan telah diadakan di Dewan Kemasyarakatan Belalong, Daerah Temburong dengan keramaian 149 pelajar.

- 16 November 2020, seramai 110 pelajar tahun 7 dan 8 telah menghadiri sesi sosialisasi yang berlangsung di Sekolah Menengah Perdana Wazir.

- 19 November 2020, sesi sosialisasi Anugerah Kokurikulum Kebangsaan telah diadakan di Sekolah Menengah Muda Hashim Tutong dan dihadiri seramai 126 pelajar.

DATA PENGLIBATAN TAHUN 2020

Pelajar dan **Sekolah bagi** kegiatan dan aktiviti Jabatan Pendidikan Kokuriku-

Unit	Program	Jumlah Penglibatan Sekolah		Jumlah Penglibatan Pelajar
		Rendah	Menengah dan Maktab	
Jasmani	4	52	2	651
Akli	11	210	32	1613
Rohani	5	27	42	70
UBPK	22	28	141	1537
MSSSBD	15	37	62	96
UPLS	12	13	51	337
Unit Kluster	5	38	7	80

Jumlah **Program**



Jumlah **Penglibatan Sekolah**



Jumlah **Penglibatan Pelajar**



Professional Development
Jurulatih-Jurulatih Sambilan *COT*

BANDAR SERI BEGAWAN, 21 November 2020, Sabtu- Jabatan Pendidikan Kokurikulum melalui Urusetia Majlis Sukan (UMS) dengan kerjasama Unit Kejurulatihan dan Perkembangan Sukan, Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengadakan *Professional Development* bagi Jurulatih-Jurulatih *Centre of Training (COT)* bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Penerangan mengenai *Body Mechanics in Athletics: application to other sports* telah disampaikan oleh fasilitator, Yang Mulia Younes Ammouta, Penolong Jurulatih Kebangsaan for *Middle and Long Distance Atheltics*.

Salah satu dari usaha UMS adalah untuk memberikan dorongan, ilmu dan pengetahuan kepada jurulatih-jurulatih sambilan *COT*. Melalui aktiviti ini ia dapat memperkembangkan lagi kemahiran para jurulatih sambilan dalam melaksanakan latihan-latihan di pusat-pusat latihan yang disediakan.

Selain itu, ia juga berperanan sebagai perintis jalan bagi beberapa aktiviti yang bakal dijalankan bersama dengan Unit Kejurulatihan dan Perkembangan Sukan. Aktiviti-aktiviti tersebut diharap akan dapat mengembangkan kepakaran-kepakaran khususnya dalam kejurulatihan sukan.

Professional Development: Strength and Conditioning

BANDAR SERI BEGAWAN, 11 Julai 2020, Sabtu- Jabatan Pendidikan Kokurikulum melalui Unit Perkembangan dan Latihan Sukan telah mengadakan Sesi *Professional Development: Strength and Conditioning* bertempat di Bilik Unit Perkembangan Latihan Sukan, Blok B, Jabatan Pendidikan Kokurikulum.

Sesi perkongsian ini adalah sebagai usaha untuk menambah pengetahuan para jurulatih dan pegawai-pegawai di Unit Pekembangan dan Latihan Sukan khususnya dan pegawai-pegawai JPKK am nya.

Awang Helmi Abdullah adalah seorang usahawan tempatan yang mengusahakan sebuah pusat kecergasan iaitu Helmi Abdullah Fitness dan perkongsian ini adalah sebagai Servis Komuniti Syarikat beliau dalam mempromosi kesedaran mengenai kesihatan dan kecergasan fizikal dikalangan masyarakat.

Cross-Training Sukan Silat dan Olahraga

TEMBURONG, 17 Ogos 2020, Isnin - Jabatan Pendidikan Kokurikulum melalui Unit Perkembangan dan Latihan Sukan telah mengadakan *Cross-Training* Sukan Silat dan Olahraga bertempat di *Mini Sports Complex* Sekolah Rendah Sultan Hassan, Bangar.

Cross-Training ini telah dijalankan oleh dua orang jurulatih di Unit Perkembangan dan Latihan Sukan. Tujuan diadakan adalah untuk memberikan pengalaman dan peluang kepada atlet-atlet skim Jabatan Pendidikan Kokurikulum untuk ikut serta dan menjalani latihan sukan lain. Di samping itu juga atlet-atlet dapat berkongsi pengalaman dan memperluas lagi pengetahuan mengenai teknik-teknik latihan.

'Cross training' Aktiviti Sempena Cuti Persekolahan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 September 2020 - Unit Perkembangan dan Latihan Sukan (UPLS), Jabatan Pendidikan Kokurikulum telah mengadakan '*Cross Training'* sebagai aktiviti cuti persekolahan bagi atlet skim Jabatan Pendidikan Kokurikulum. Aktiviti telah dijalankan di Taman Peranginan Tasek Lama dan terdiri dari 20 orang atlet.

Aktiviti dimulakan dengan aktiviti pemanasan badan dan zumba yang ketuai oleh Coach Jerry dari HAZ Fitness dan diikuti dengan sesi taklimat dan seterusnya aktiviti mendaki bukit.

Aktiviti ini dijadikan platfom bagi atlet-atlet, jurulatih sambilan *Center of Training* (*COT)* dan pegawai-pegawai UPLS untuk berkenalan dan merapatkan lagi hubungan di antara mereka, di samping, menimba ilmu pengetahuan melalui perkongsian dari jurulatih-jurulatih yang ikut sama didalam aktiviti tersebut.

40 Atlet Menjalani Ujian Kecergasan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 1 Oktober 2020 - Unit Perkembangan dan Latihan Sukan (UPLS), Jabatan Pendidikan Kokurikulum telah mengadakan ujian kecergasan bagi atlet-atlet di bawah latihan unit tersebut. Seramai 40 atlet, terdiri daripada 21 atlet badminton, 10 atlet bola jaring, 5 atlet silat dan 4 atlet olahraga menjalani ujian kecergasan. Ujian Kecergasan ini dijalankan sebagai penanda aras (*bench mark)* bagi Unit Perkembangan dan Latihan Sukan dalam memantau kesihatan dan kecergasan para atlet. Disamping itu juga adalah sebagai usaha untuk mengumpul data dalam memantau peningkatan atlet sebelum dipilih untuk mana-mana kejohanan atau perlawanan di masa mendatang.

Freestyle Football Challenge : Covid-19 Bukan Penghalang

BANDAR SERI BEGAWAN, 09 September 2020, Rabu - Jabatan Pendidikan Kokurikulum melalui Unit Jasmani telah mengadakan Peraduan Memvideo *Freestyle Football Challenge* bagi Sekolah-sekolah Rendah, Menengah dan Maktab-maktab Negara Brunei Darussalam. Peraduan ini telah dibukakan selama 1 bulan bermula 1 hingga 31 Julai 2020. Penyampaian hadiah dan saguhati tersebut telah diadakan di sekolah para penerima.

Tujuan peraduan ini diadakan ialah sebagai satu program yang diharapkan dapat menggalakkan pelajar untuk bergiat aktif dalam kegiatan sukan walaupun semasa sekatan penularan wabak COVID-19. Sebanyak empat penyertaan telah diterima bagi kategori Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab manakala bagi kategori Sekolah-Sekolah Rendah sebanyak tujuh penyertaan telah diterima.

Pemenang Peraduan Memvideo *Freestyle Football Challenge*:

Kategori Sekolah Menengah dan Maktab-maktab

Johan:	**Naib Johan:**	**Ketiga:**
Md Dinie Ruzaini bin Md Asri	Md Iqbal bin Jasmi	Md Haziq Naqiuddin Hj Azrini
Sek Men Sayy Ali	Sek Arab Rimba	Sek Arab Rimba

Kategori Sekolah Rendah

Johan:	**Naib Johan:**	**Ketiga:**
Ahmad Aqiel Ibrahimi bin Amirorrashid	Md Arif Iqbal bin Rosmadi	Abd Muttaqim bin Hj Md Azmi
Sekolah Al-Falaah Sungai Akar.	SR Junjongan.	SR PAP Besar Sungai Kebun.

Pengukuhan Asas Kerohanian:
Pertandingan Azan dan Murattal Sekolah-Sekolah Rendah Senegara

BANDAR SERI BEGAWAN, 14 Oktober 2020, Rabu - Peringkat Akhir Pertandingan Azan dan Murattal bagi Sekolah-Sekolah Rendah Senegara Tahun 1440 Hijrah / 2020 Masihi telah diadakan secara virtual yang dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan melalui Unit Rohani. Ianya bertujuan untuk mewujudkan hubungan persahabatan sesama pelajar serta mengukuhkan asas kerohanian mereka.

Bagi Peringkat Saringan, para peserta telah menghantar video rakaman mereka kepada pihak penganjur. Video ini telah dihakimkan oleh 5 orang juri pada 31 Ogos 2020. Dari seramai 11 peserta lelaki bagi kategori azan dan 10 peserta perempuan bagi kategori murattal, hanya 7 peserta bagi setiap kategori telah dipilih untuk ke Peringkat Akhir.

Peringkat Akhir Pertandingan telah dihakimkan oleh 3 orang hakim jemputan dari Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Hakim-hakim tersebut ialah Ustaz Haji Awg Nor Asilin bin Haji Awg Puting, Ustaz Ahmad Syujaie bin Begawan Mudim Haji Matassim dan Ustaz Haji Md Rudzaini bin Haji Mohamad.

Cungkil Bakat Murid Menyampaikan Tazkirah

BANDAR SERI BEGAWAN, 17 Oktober 2020, Sabtu - Sebanyak 5 buah sekolah telah berjaya mara ke Peringkat Akhir Pertandingan Tazkirah Cilik Peringkat Sekolah-Sekolah Rendah Senegara. Peringkat Akhir Pertandingan telah diadakan secara virtual di mana para peserta beraksi di Surau Jabatan Pendidikan Kokurikulum manakala para hakim ditempatkan di Bilik Muzakkarah, Jabatan Pendidikan Kokurikulum.

Pertandingan Tazkirah Cilik Peringkat Sekolah-Sekolah Rendah adalah sebuah pertandingan anjuran Unit Rohani, Jabatan Pendidikan Kokurikulum Kementerian Pendidikan. Pertandingan ini dibukakan kepada pelajar-pelajar berugama Islam tahun 4 hingga tahun 6. Pertandingan yang bertemakan "Bulan Haji" ini bertujuan untuk mencungkil dan mendedahkan bakat murid-murid dalam menyampaikan tazkirah dan mengongsikan ilmu pengetahuan.

Hakim Peringkat Saringan ialah:

1. Ustaz Awang Haji Muhammad Naqib bin Haji Awang
2. Pengiran Hamiosmera bin Pengiran Haji Othman
3. Awang Haji Fansuri Sharimi @ Mansur bin Mohamad Ali
4. Ustazah Pengiran Norhayati binti Pengiran Haji Kashran

Hakim Peringkat Akhir ialah:

1. Ustaz Awang Haji Muhammad Naqib bin Haji Awang
2. Pengiran Hamiosmera bin Pengiran Haji Othman
3. Awang Haji Fansuri Sharimi @ Mansur bin Mohamad Ali
4. Dayang Siti Norainol Fathni binti Pengiran Haji Tajuddin

Peringkat Akhir Pertandingan Tilawah Al-Quran Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab Secara Atas Talian

BANDAR SERI BEGAWAN, 26 Ogos 2020, Rabu - Pertandingan Tilawah Al-Quran merupakan salah satu aktiviti yang dikendalikan oleh Unit Rohani, Jabatan Pendidikan Kokurikulum yang bertujuan untuk mewujudkan jaringan persahabatan antara pelajar sekolah dan masyarakat komuniti walaupun dalam keadaan negara yang dilanda pandemik Covid-19.

Dengan bertemakan "Al-Quran penawar dan panduan ummah" program ini dihasratkan untuk melahirkan generasi qurani yang bukan sahaja mempunyai kecintaan terhadap Al-Quran malah menjadikan Al-Quran sebagai panduan hidup.

Pertandingan yang disertai oleh 9 buah sekolah ini terbahagi kepada dua peringkat iaitu peringkat saringan dan peringkat akhir. Penghakiman Peringkat Saringan telah diadakan pada 7 dan 8 Julai 2020, bertempat di Ruang Kreasi, Tingkat 2, Jabatan Pendidikan Kokurikulum. Para hakim pertandingan ialah:

1. Ustaz Awang Haji Abdul Rahman Bin Hj Manaf
2. Ustazah Dayang Huzaimah Yadey Binit Hj Rusli
3. Ustazah Pg Dr Hjh Norkhairiah Bte Pg Hj Hashim

Manakala penghakiman Peringkat Akhir pula telah diadakan pada 25 dan 26 Ogos 2020 secara virtual dengan menggunakan Aplikasi *Zoom.* Seramai 5 orang peserta lelaki dan 5 peserta perempuan telah dihakimkan oleh para hakim yang terdiri dari:

1. Ustaz Awang Haji Abdul Rahman Bin Hj Manaf
2. Ustazah Dayang Huzaimah Yadey Binit Hj Rusli
3. Ustazah Pg Dr Hjh Norkhairiah Bte Pg Hj Hashim

Penyampaian Hadiah Pertandingan Azan dan Murattal Sekolah-Sekolah Rendah Senegara

BANDAR SERI BEGAWAN, 11 November 2020, Rabu - Pada 4, 10 dan 11 November 2020 telah berlangsung Penyampaian Hadiah Peringkat akhir Pertandingan Azan dan Murattal Sekolah-Sekolah Rendah Senegara yang telah diadakan disekolah para pemenang.

Hadiah-hadiah pertandingan tersebut telah disampaikan oleh Awg Muhammad Zainuddin Shah bin Talip, Pemangku Ketua Unit Rohani, Jabatan Pendidikan Kokurikulum bagi sekolah-sekolah Daerah Brunei Muara. Manakala bagi Sekolah Chung Hua, Kuala Belait telah disampaikan oleh Awg Haji Eady Sardi bin PDDSDP Haji Abd Razak.

Pertandingan anjuran Unit Rohani, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan ini adalah sebagai menyahut cabaran mengadakan pertandingan bukan secara bersemuka dengan mengikuti garispandu yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.

Sebanyak 7 peserta lelaki bagi Pertandingan Azan dan 7 peserta perempuan bagi Pertandingan Murattal sekolah-sekolah rendah telah bersaing di Peringkat Akhir yang telah diadakan pada 14 Oktober 2020 yang lalu.

Keputusan Pertandingan Azan Dan Murattal bagi Sekolah-Sekolah Rendah Senegara adalah seperti berikut:

Pertandingan Azan

Johan
Md Nur Alif bin Abdullah Mohammad Syafie
Sekolah Rendah Berakas Garrison

Naib Johan
Muhammad Syaamil bin Haji Kamarul Azam
Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Tempat Ketiga
Shahrol Irfan bin Rosaimi
Sekolah Rendah Junjongan

Pertandingan Murattal

Johan
Harrisa Jasmine Zaini binti Abdullah
Sekolah Al-Falaah

Naib Johan
Anis Safwa binti Aminorrahman
Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Tempat Ketiga
Sarah Batrisya binti Mohamad Juraimi
Sekolah Chung Hua, Kuala Belait

Penyampaian Hadiah Pertandingan Tazkirah Cilik Peringkat Sekolah-Sekolah Rendah Senegara

BANDAR SERI BEGAWAN, 11 November 2020, Rabu - Pada 4,10 dan 11 November 2020 penyampaian Hadiah Pertandingan Tazkirah Cilik Sekolah Rendah Senegara tahun 2020M/1441H telah diadakan di sekolah-sekolah para pemenang.

Hadiah-hadiah Johan dan Tempat Ketiga Pertandingan telah disampaikan oleh Awang Muhammad Zainuddin Shah bin Talip, Pemangku Ketua Unit Rohani, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan pada 10 dan 11 November 2020.

Manakala hadiah Naib Johan Pertandingan pula telah disampaikan oleh Awang Zamain Bin Sia, Ketua Cawangan Daerah Tutong, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan pada 4 November 2020.

Sebanyak 7 buah sekolah rendah senegara telah menyertai pertandingan ini pada peringkat saringan dan 5 buah sekolah telah terpilih mara ke Peringkat Akhir.

Keputusan Pertandingan Tazkirah Cilik bagi Sekolah-Sekolah Rendah Senegara tahun 2020M/1441H adalah seperti berikut:

JOHAN
Awang Luqman Haqeem @ Arif Darwisy bin Umardani
Sekolah Al-Falaah Jalan Kebangsaan Sg Akar

NAIB JOHAN
Awangku Md Nur Safwan bin Pg Samarulaspwinizam
Sekolah Arab Rimba

TEMPAT KETIGA
Abdul Hafiz bin Abdul Rahman
Ma'had Islam Brunei

Penyampaian Hadiah Pertandingan Tilawah Al-Quran Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab

BANDAR SERI BEGAWAN, 11 November 2020, Rabu - Pada 4, 10 dan 11 November 2020, penyampaian hadiah Pertandingan Tilawah Al-Quran Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab Bagi Tahun 1441H/ 2020 M telah diadakan di sekolah para pemenang.

Hadiah-hadiah bagi Johan, Naib Johan dan tempat Ketiga telah disampaikan oleh Awang Muhammad Zainuddin Shah Bin Talip, Pemangku Ketua Unit Rohani Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan.

Keputusan pertandingan akhir Pertandingan Tilawah Al-Quran Sekolah-Sekolah Menengah Dan Maktab-Maktab Bagi Tahun 1441H/ 2020M.

Penyerahan Tar Hadrah ke lima buah Sekolah Menengah Kluster 5

TUTONG, 07 November 2020, Sabtu - Penyerahan tar kepada lima buah Sekolah Menengah kluster 5 telah diadakan di Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Cawangan Daerah Tutong.

Penyerahan tersebut telah disempurnakan oleh Awg Zamain bin Sia, Ketua Cawangan Tutong, Jabatan Pendidikan Kokurikulum kepada setiap wakil sekolah yang terpilih.

Penyerahan 20 biji tar ini bertujuan untuk memberi bantuan kepada pihak sekolah sekaligus sebagai pendedahan kepada para pelajar mengenai dengan permainan seni hadrah dan seterusnya dapat menyertai pertandingan yang dianjurkan oleh Unit Rohani. Penerima bagi tar-tar ini ialah Sekolah Menengah Muda Hashim, Sekolah Menengah Sayyidina Othman, Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Sekolah Menengah Tanjong Maya dan Sekolah Menengah Raja ISteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

4 Lukisan Terbaik IHSAF telah dihantar ke IFAC, Tokyo Jepun

BANDAR SERI BEGAWAN, 18 Julai 2020, Sabtu - *The International High School Art Festival* merupakan sebuah festival seni lukis yang dianjurkan oleh *The International Foundation for Arts and Culture (IFAC)*. Festival Seni Lukis ini mempamerkan secara eksklusif gabungan hasil karya seni pelajar-pelajar sekolah menengah yang memenangi anugerah di Jepun dan di luar negara. Festival ini bertujuan untuk memupuk bakat-bakat muda abad ke-21 dan menggalakkan pertukaran antarabangsa melalui seni lukis, dengan hasrat untuk membantu membangun individu yang boleh membuat sumbangan kepada masyarakat antarabangsa di masa akan datang.

Unit Akli, Jabatan Pendidikan Kokurikulum Kementerian Pendidikan adalah sebagai penyelenggara bagi festival ini di Negara Brunei Darussalam. Festival ini dibukakan kepada pelajar-pelajar Sekolah Menengah, Maktab-Maktab dan Pusat Tingkatan Enam yang berumur 15 tahun hingga 18 tahun (pada April 2020).
Majlis Penyampian Hadiah kepada 11 orang peserta terbaik dalam 21st International High School Art Festival bagi Brunei Darussalam telah diadakan di sekolah para penerima iaitu Pusat Tingkatan Enam Meragang, Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah dan Sekolah Menengah Seri Mulia Sarjana.

Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Yang Mulia Dayang Hajah Hajidah binti Haji Abd Wahab, Pemangku Penolong Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan.

Sebanyak 29 penyertaan yang mewakili Sekolah Menengah Kerajaan, Pusat Tingkatan Enam, Sekolah Swasta dan Sekolah Arab telah menyertai festival ini. Walau bagaimanapun hanya 11 penyertaan terbaik saja telah dipilih dan 4 buah karya lukisan terbaik telah dihantar ke IFAC bagi menyertai pameran Festival Seni Lukis yang akan diadakan di National Art Centre, Tokyo bermula 05 hingga 16 Ogos 2020.

Taklimat Pertandingan Akhir Bicara Berirama Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020



BANDAR SERI BEGAWAN, 21 Julai 2020, Selasa - Taklimat Pertandingan Akhir Bicara Berirama Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke-36 Tahun 2020 telah diadakan di Ruang Kreasi, Tingkat 2, Unit Akli, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan.

Turut hadir bersama pada sesi taklimat tersebut ialah Yang Mulia Dayang Hajah Hajidah binti Haji Abd Wahab, Pemangku Penolong Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan. Taklimat tersebut telah disampaikan oleh Yang Mulia Awang Haji Muhammad Nazreen Hazwan Bin Hj Suani, Pegawai Pelajaran, Unit Akli, Jabatan Pendidikan Kokurikulum.

Sebanyak empat buah sekolah rendah dan empat buah sekolah menengah telah berjaya mara ke peringkat akhir pertandingan tersebut. Sekolah-sekolah yang berjaya ke peringkat akhir bagi peringkat Sekolah Rendah ialah Sekolah Rendah Tungku, Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Sekolah Al-Falaah Sungai Akar dan Sekolah Arab Rimba. Manakala bagi peringkat Sekolah Menengah pula ialah Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar, Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Tutong, Sekolah St. George dan Sekolah St. Andrew.

Peringkat Ahir Pertandingan Bicara Berirama akan dijalankan secara rakaman video bermula pada 7hb September hingga 10hb September 2020.

18 Pelajar Sertai
Event Management Workshop (Youth Involvement)

BANDAR SERI BEGAWAN, 29 Julai 2020, Rabu - Bengkel *Event Management Workshop (Youth Involvement)* merupakan salah satu program usahasama antara Politeknik Brunei melalui CSDI bersama dengan Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan melalui Unit Akli.

Seramai 18 orang pelajar iaitu 13 orang pelajar lelaki dan 5 orang pelajar perempuan telah hadir mengikuti bengkel tersebut yang telah diadakan di One Stop Centre, Politeknik Brunei. Bengkel tersebut telah disampaikan oleh Yang Mulia Dayang Hajah Hajidah binti Haji Abd Wahab, Pemangku Penolong Pengarah Pendidikan Kokurikulum dan dibantu oleh Yang Mulia Awang Haji Muhammad Nazreen Hazwan bin Haji Suani, Pegawai Pelajaran, Unit Akli Jabatan Pendidikan Kokurikulum.

Bengkel bagi pelajar Politeknik Brunei ini memberi penekanan mengenai kepentingan dan faedah yang diperolehi para belia hasil dari penglibatan mereka di dalam projek atau kegiatan yang dianjurkan.

54 Pegawai dan Kakitangan Jabatan Pendidikan Kokurikulum sertai Bengkel Permainan Tradisi Pasang

BANDAR SERI BEGAWAN, 11 Ogos 2020, Selasa - Bengkel Permainan Tradisi Pasang Tahun 2020 bagi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan merupakan sebuah bengkel anjuran Unit Akli, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan. Bengkel ini telah diadakan di Ruang Legar, Jabatan Pendidikan Kokurikulum.

Penganjuran bengkel ini adalah bertujuan untuk memberikan kefahaman dan pendedahan terhadap Permainan Tradisi Pasang. Melalui bengkel ini juga diharap pegawai dan kakitangan akan bersedia untuk menyebarluaskan pengetahuan dan kemahiran mereka (dari segi cara bermain dan cara penghakiman) kepada sekolah-sekolah jika diperlukan. Selain tu juga adalah untuk mengeratkan hubungan setiakawan dan silaturrahim di kalangan pegawai dan kakitangan Jabatan Pendidikan Kokurikulum.

Bengkel telah disampaikan oleh 11 orang Pegawai dari Bahagian Pembelajaran dan Penerbitan Jabatan Muzium-Muzium yang diketuai oleh Awang Haji Mahrin Bin Haji Abas, dan dibantu oleh Pegawai-Pegawai dan kakitangan Unit Akli, Jabatan Pendidikan Kokurikulum.

Seramai 54 orang peserta (17 orang lelaki dan 37 orang perempuan) yang terdiri daripada Pegawai-Pegawai dan Kakitangan telah mengikuti bengkel yang diadakan selama sehari. Bengkel ini juga diisikan dengan Pertandingan Permainan Tradisi Pasang bagi para peserta bengkel untuk menguji sejauh mana kefahaman mereka mengenai Permainan Tradisi Pasang yang telah diajarkan.

Pertandingan Permainan Tradisi Pasang Pegawai-Pegawai dan Kakitangan JPKK

BANDAR SERI BEGAWAN, 12 Ogos 2020, Rabu - Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Permainan Tradisi Pasang bagi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan telah diadakan di Ruang Legar, Jabatan Pendidikan Kokurikulum.

Hadir selaku Tetamu Kehormat pada majlis tersebut ialah Yang Mulia Awang Mohammad Norilham bin Haji Jais, Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan.

Tetamu Kehormat telah menyaksikan Perlawanan Akhir Pertandingan Permainan Tradisi Pasang bagi kategori lelaki dan kategori Perempuan dan seterusnya menyampaikan hadiah dan cenderamata kepada para pemenang dan hakim.

Seramai 16 orang peserta bagi kategori lelaki dan 34 orang peserta bagi kategori Perempuan telah bersaing di dalam perlawanan ini. Awang Haji Muhammad Nazreen Hazwan bin Haji Suani dari Unit Akli telah diumumkan sebagai Johan Pertandingan Permainan Tradisi Pasang bagi Kategori Lelaki. Manakala Naib Johan telah dimenangi oleh Awang Mohamad Shah Rizal Amir bin Haji Mohiddin dari Unit Strategik dan Perhubungan Maklumat. Tempat Ketiga Bersama pula telah dimenangi olehPengiran Haji Mohd Saiful Rizal Farishan bin Pengiran Haji Matali dari Unit Akli, dan Awang Denny Zahril bin Zainal Abidin dari Unit Pentadbiran.

Johan Kategori Perempuan telah dimenangi oleh Dayang Solihah binti Haji Bujang dari Unit Beruniform dan Perkhidmatan Kemasyarakatan. Manakala Naib Johan telah disandang oleh Dayang Nur Nadirah binti Haji Md Daud dari Unit Jasmani dan tempat Ketiga Bersama pula, telah dimenangi oleh Dayang Mumtazah binti Mohd Ibrahim dari Unit Rohani, dan Dayang Norbazilah binti Yusof dari Unit Strategik dan Perhubungan Maklumat.

Bengkel Pengucapan Awam: Uji Kebolehan Pelajar

BANDAR SERI BEGAWAN, 2 September 2020, Rabu - Bengkel tersebut telah disampaikan oleh Yang Mulia Dayang Hajah Hajidah binti Haji Abd Wahab, Pemangku Penolong Pengarah Pendidikan Kokurikulum dan dibantu oleh pegawai-pegawai dari Unit Akli iaitu Awang Imran bin Mohd Tahir, Awang Haji Muhammad Nazreen Hazwan bin Suani, Awang Muhammad Menghindrawardi bin Haji Naim, Dayang Siti Zubaidah binti Hamid, Dayang Saidah binti Saidin dan dua orang pegawai dari Unit Rohani iaitu Dayang Hajah Dangsyukrinah binti Haji Othman dan Dayang Mumtazah binti Mohd Ibrahim.

Bengkel ini memberi penekanan mengenai kebolehan pelajar dalam pengucapan Awam di mana para para peserta akan membuat latihan-latihan praktikal setiap hari sama ada secara individu, berdua, bertiga atau berkumpulan. Latihan-latihan yang dikendalikan ini adalah untuk memberikan kefahaman dan pengalaman baru kepada mereka terutama dalam mengatasi masalah kegugupan dan menghadapi penonton.

Dayang Fatin Noor Hasibah muncul Johan Pertandingan Klip Video Deklamasi Puisi

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 September 2020, Khamis - Pertandingan Klip Video Deklamasi Puisi Sempena Sambutan Hari Guru Kali Ke-30 Bagi Sekolah Menengah & Maktab-Maktab dan Pusat Tingkatan Enam Tahun 2020 adalah merupakan sebuah pertandingan yang dikelolakan oleh Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan melalui Unit Akli dengan kerjasama Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) bersempena Sambutan Hari Guru Ke-30 Tahun 2020.

Pertandingan ini merupakan sebuah pertandingan deklamasi puisi yang menggunakan alat multimedia digital sebagai kaedah penyampiannya. Alat multimedia digital ini digunakan bagi tujuan merakam dan menjadikan deklamasi puisi yang disampaikan menjadi sebuah klip video deklamasi puisi yang menarik dan kreatif.

Pertandingan ini bertujuan sebagai adaptasi praktikal para pelajar dalam memanfaatkan pengetahuan dan kemahiran teknologi ICT selaras dengan kemajuan teknologi Negara masa kini dalam bidang penyampaian ilmu.

Sebanyak 36 orang pelajar mewakili 11 buah sekolah kerajaan, swasta dan Arab, telah menyertai pertandingan ini.

Penghakiman Pertandingan Klip Video Deklamasi Puisi Sempena Sambutan Hari Guru Kali ke-30 Tahun 2020 telah diadakan di Ruang Kreasi, Tingkat 2, Unit Akli, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan. Pertandingan tersebut telah dihakimkan oleh Yang Mulia Dayang Hajah Hajidah binti Haji Abd Wahab, Pemangku Penolong Pengarah, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Yang Mulia Cikgu Awg Haji Duming @ Domeng bin Haji Abdul Wahab, Ahli Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei dan Dayang Hajah Annisa binti Haji Moksin, Pegawai Bahasa Kanan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

Sambungan Muka **26**

Dari sambungan muka **25**

Pada 24 dan 26 Oktober 2020, Penyampaian Hadiah Pertandingan Klip Video Deklamasi Puisi Sempena Sambutan Hari Guru bagi Sekolah-Sekolah Menengah Tahun 2020 telah diadakan di sekolah para pemenang. Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Yang Mulia Dayang Hajah Hajidah binti Haji Abd Wahab, Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan

Johan bagi pertandingan ini telah disandang oleh Dayang Fatin Noor Hasibah binti Noor Aflan dari Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha. Manakala Naib Johan telah dimenangi oleh Awang Muhammad Arife Zuhairi Chia bin Abdullah Syihab dari Mahad Islam Brunei dan Tempat Ketiga telah dimenangi oleh Dayang Nuryanie binti Mohd Sallih dari Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah.

4 buah Sekolah Rendah dan 4 buah Sekolah Menengah Mara ke Peringkat Akhir

BANDAR SERI BEGAWAN, 17 September 2020, Khamis - Pertandingan Bicara Berirama Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36 Tahun 2020 adalah merupakan anjuran Unit Akli, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan.

Pertandingan ini terbahagi kepada dua peringkat iaitu Peringkat Sekolah Rendah menggunakan Bahasa Melayu dan Peringkat Sekolah Menengah menggunakan Bahasa Inggeris. Pertandingan ini bertujuan bagi membina keyakinan diri di kalangan pelajar untuk berucap dan mengekspresikan pemikiran mereka di depan khalayak ramai. Tema pertandingan pada tahun ini ialah 'Negaraku Brunei Darussalam'. Sebanyak 22 buah Sekolah Rendah dan 7 buah sekolah menengah telah menyertai pertandingan dan hanya 4 buah Sekolah Rendah dan 4 buah Sekolah Menengah sahaja yang telah berjaya mara ke Peringkat Akhir.

Penghakiman Peringkat Akhir Pertandingan Bicara Berirama ini telah diadakan di Ruang Kreasi Unit Akli, Tingkat 2, Jabatan Pendidikan Kokurikulum.

Pertandingan tersebut telah dihakimkan oleh Yang Mulia Dayang Hajah Hajidah binti Haji Abd Wahab, Pemangku Penolong Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Yang Mulia Awangku Haji Joharni bin Pengiran Haji Mahari, Pegawai Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Yang Mulia Awang Irwandy bin Haji Jafar, Pembantu Teknik Bahagian Kaji Selidik dan Bahan Binaan, Jabatan Kerja Raya, Yang Mulia Dayang Hajah Sariani binti Haji Ishak, Pegawai Bahasa Kanan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan Yang Mulia Dayang Ismayah binti Haji Mohd Noor @ Haji Sulaiman, Pegawai Pelajaran Ugama, Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

"We Are Together - Fight Against Covid - 19" Mendapat Sambutan Pelajar

BANDAR SERI BEGAWAN, 3 Oktober 2020, Sabtu - *"We are together - fight against Covid-19" Painting Competition 2020* adalah merupakan pertandingan lukisan yang dianjurkan bersama oleh Kedutaan Republik Rakyat China di Brunei Darussalam dan Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, melalui Unit Akli.

Pertandingan ini bertujuan adalah sebagai satu penghargaan dan untuk meningkatkan kesedaran di kalangan anak-anak Brunei mengenai usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan dan orang ramai termasuk barisan hadapan, sukarelawan, orang awam serta kerjasama antarabangsa dalam memerangi wabak Covid-19.

Seramai 1031 orang pelajar yang mewakili 53 buah Sekolah Rendah Kerajaan, Swasta dan Sekolah Arab telah menyertai pertandingan lukisan ini. Penghakiman bagi pertandingan ini telah diadakan Ruang Kreasi, Unit Akli, Tingkat 2, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan. Pertandingan tersebut telah dihakimkan oleh Yang Mulia Pengiran Kamarul Zaman bin Pengiran Haji Tajuddin, Pelukis, Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Belia dan Sukan, Yang Mulia Dayang Rabiah binti Haji Othman, Pegawai Pelajaran Kanan / Ketua Unit Rohani, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan dan Yang Mulia Awang Imran bin Mohd Tahir, Penyusun Kegiatan Luar, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan.

Majlis Penyerahan Lukisan Pemenang Pertandingan Lukisan *"We Are Together—Fight Against Covid—19"*

BANDAR SERI BEGAWAN, 8 Oktober 2020, Khamis - Majlis penyerahan lukisan pemenang pertandingan *lukisan "We are together - fight against Covid-19 Painting Competition 2020* kepada Kedutaan Republik Rakyat China telah diadakan bertempat di Bilik Sindiket, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan.

Sebanyak 1031 buah lukisan telah diserahkan oleh Yang Mulia Awang Mohammad Norilham bin Haji Jais, Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan kepada wakil dari Kedutaan Republik Rakyat China. Acara tersebut turut dihadiri oleh pegawai-pegawai dari Unit Akli.

Orator Melahirkan Petah Bistari

BANDAR SERI BEGAWAN, 19 Oktober 2020, Isnin - Pertandingan Orator Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab Senegara Tahun 2020 adalah merupakan sebuah pertandingan pidato berkumpulan secara rakaman video yang dianjurkan oleh Unit Akli Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan. Pertandingan ini dikendalikan sebagai salah satu acara perayaan sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke-74 tahun.

Dengan tema pertandingan 'Pemimpin Berdaulat', Pertandingan ini bermatlamat untuk menanamkan nilai-nilai murni dan semangat cintakan Raja, Agama dan Negara di dalam jiwa para pelajar. Selain itu juga untuk melahirkan orator yang cerdik pandai, berkaliber dan berfikiran kritis.

Sebanyak 8 buah pasukan yang mewakili sekolah menengah Kerajaan, Swasta dan Arab telah menyertai pertandingan ini. Penghakiman bagi pertandingan ini telah diadakan di Ruang Kreasi, Tingkat 2, Unit Akli, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan. Pertandingan tersebut telah dihakimkan oleh Yang Mulia Dayang Hajah Hajidah binti Haji Abd Wahab, Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidkan, Dr. Hajah Dayang Fatimah binti Haji Awang Chuchu, Senior Assistant Professor, Faculty of Arts and Social Science, Universiti Brunei Darussalam, Dr Haji Rozaiman bin Makmun, Assistant Professor, Sultan Haji Hassanal Bolkiah Institut of Education, Universiti Brunei Darussalam, Dayang Hajah Annisa binti Haji Moksin, Pegawai Bahasa Kanan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, dan Awang Haji Hasnan bin Haji Suhaili.

Memupuk Daya Kreativiti Murid dalam Pertandingan Lukisan Poster 'Perubahan Iklim'

BANDAR SERI BEGAWAN, 20 Oktober 2020, Selasa - Pertandingan Lukisan Poster 'Perubahan Iklim' Peringkat Sekolah Rendah Senegara Tahun 2020 adalah merupakan sebuah pertandingan yang dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan melalui Unit Akli dengan kerjasama Mitsubishi Corporation di Negara Brunei Darussalam dan Green Brunei.

Dengan tema pertandingan "Perubahan Iklim", pertandingan ini bertujuan untuk memberikan peluang kepada murid-murid untuk mengekspresikan idea, perasaan, memperkembangkan daya kreativiti mereka serta menghayati dan berkongsi mengenai bencana perubahan iklim melalui seni lukisan. Selain itu juga untuk mendidik dan mendorong para murid untuk menghasilkan karya lukisan yang baik dan bermakna hasil daripada fikiran mereka yang terbuka dan positif.

Sebanyak 882 penyertaan dari 34 buah Sekolah Rendah Kerajaan, Swasta dan Sekolah Arab telah menyertai pertandingan lukisan ini yang terbahagi kepada dua kategori iaitu Kategori Lelaki dan Kategori Perempuan.

Penghakiman bagi pertandingan ini telah diadakan di Ruang Kreasi, Tingkat 2, Unit Akli, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan. Ianya telah dihakimkan oleh 3 orang hakim jemputan iaitu Yang Mulia Awang Zakaria bin Omar, Pegawai Pendidikan, Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam, Yang Mulia Awang Md Faiz bin Haji Morsidi, Pelukis, Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan Yang Mulia Dayang Wan Nur Zahidah binti Metussin, Pereka Tingkat 1, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

Turut hadir semasa penghakiman tersebut ialah Yang Mulia Tuan Takeshi Hirakoba, Timbalan Pengurus Am Pejabat Perhubungan Mitsubishi Corporation di Brunei Darussalam, Yang Mulia Dayang Hajah Hajidah binti Haji Abd Wahab, Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum Kementerian Pendidikan, dan Yang Mulia Pengiran Jusri bin Pengiran Haji Hassim, Pemangku Penolong Pengarah Pendidikan Kokurikulum Kementerian Pendidikan.

Gilap Bakat Pelajar Mencipta Klip Video

BANDAR SERI BEGAWAN, 21 Oktober 2020, Rabu - Penghakiman Pertandingan Kreasi Klip Video 'Perubahan Iklim' bagi Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab Senegara Tahun 2020 telah diadakan di Tingkat 2, Ruang Kreasi, Unit Akli, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan.

Pertandingan anjuran Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan melalui Unit Akli dengan kerjasama Mitsubishi Corporation di Negara Brunei Darussalam dan Green Brunei ini telah menerima 10 buah penyertaan dari Sekolah Menengah Kerajaan, Swasta dan Sekolah Arab.

Pertandingan tersebut telah dihakimkan oleh Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Jabatan Majlis Mesyuarat Negara, Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dayang Hajah Hajidah binti Haji Abd Wahab, Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Yang Mulia Awang Haji Nazri bin Haji Satri, Radio Televisyen Brunei, Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Awang Md Zainulariffin bin Haji Bidin, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, dan Yang Mulia Pengiran Samsul Rezal Malek Faesal bin Pengiran Haji Marali, Pengarah Urusan, RMF Production House.

Turut hadir semasa penghakiman tersebut ialah Yang Mulia Tuan Takeshi Hirakoba, Timbalan Pengurus Am Pejabat Perhubungan Mitsubishi Corporation di Brunei Darussalam.

Dengan tema pertandingan "Perubahan Iklim", pertandingan ini bertujuan untuk mengembangkan bakat dan menggilap potensi para pelajar dalam membuat video yang berkonsepkan pendidikan, di samping membolehkan para pelajar menghayati dan berkongsi ilmu mengenai bencana 'Perubahan Iklim'.

Bengkel Pengurusan Prestasi dan *Key Performance Indicator (KPI)* Pegawai-Pegawai Penilai dari Jabatan Pendidikan Kokurikulum

BERAKAS, 25 Ogos 2020, Selasa – Pegawai-Pegawai dari Jabatan Pendidikan Kokurikulum Kementerian Pendidikan khususnya Pegawai-Pegawai Penilai telah menghadiri Bengkel Pengurusan Prestasi dan *Key Performance Indicator (KPI)* yang berlangsung di Dewan Persidangan P1, Kementerian Pendidikan.

Hadir semasa bengkel tersebut ialah Awang Mohamad Norilham bin Haji Jais, Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum dan Dayang Hajah Hajidah binti Haji Abdul Wahab, Pemangku Penolong Pengarah Pendidikan Kokurikulum.

Seramai 17 pegawai pelajaran kanan dan pegawai pelajaran dari Jabatan Pendidikan Kokurikulum telah menyertai bengkel tersebut.

Penerangan mengenai Pengurusan Prestasi dan *Key Performance Indicator (KPI)* telah disampaikan oleh Dayang Hajah Nur Amalina binti Haji Sidik, Pemangku Penolong Pengarah / Ketua Penyelia Rancangan Permakanan Sekolah dan Awang Mohamad Zaidi bin Haji Chuchu, Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat 1 / Ketua Seksyen Perkembangan Professional, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan.

Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk memberikan pendedahan mengenai tatacara serta garispandu khususnya kepada pegawai-pegawai penilai yang baru serta mengemaskini maklumat dan pengetahuan mengenai pengurusan prestasi dan juga *KPI*.

Aktiviti *Fun Tabata* Jabatan Pendidikan Kokurikulum

BERAKAS, 30 November 2020, Isnin – Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan melalui Unit Pentadbiran dengan kerjasama HSN Fitness telah mengadakan aktiviti *Fun Tabata* bertempat di ruang legar, Jabatan Pendidikan Kokurikulum.

Turut hadir semasa aktiviti tersebut ialah Dayang Hajah Hajidah binti Haji Abdul Wahab, Pemangku Penolong Pengarah Pendidikan Kokurikulum. Aktiviti *Fun Tabata* ini diadakan khusus untuk warga Jabatan Pendidikan Kokurikulum.

Tujuan aktiviti ini diadakan adalah untuk menggalakan warga jabatan memiliki tubuh badan yang sihat dan mengeratkan hubungan tali silaturrahim di kalangan pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan di Jabatan Pendidikan Kokurikulum.

Guru-Guru CCA hadiri Klinik CCA iNEIS

BERAKAS, 07 September 2020, Isnin – Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan melalui Unit Strategik dan Perhubungan Maklumat telah mengadakan Klinik CCA iNEIS bagi Guru-Guru CCA Sekolah-Sekolah Rendah dan Menengah serta Pusat Tingkatan Enam pada sesi sebelah petang selama 10 hari bermula pada 13 Ogos hingga 7 September 2020. Klinik ini dijalankan di Sekolah Menengah Berakas, Unit Media Digital Elektronik Jabatan Sekolah-Sekolah, Pusat Tingkatan Enam Tutong, Jabatan Pendidikan Kokurikulum Brunei Muara dan Cawangan Daerah Temburong.

Tujuan klinik ini diadakan adalah untuk membantu guru-guru CCA dalam proses membantu memasukkan dan pengemaskinian data cca ke dalam sistem iNEIS iaitu memuatnaik *CCA Timetable* dan *CCA Enrollment* bagi penggal kedua (2020).

Klinik CCA iNEIS

Sasaran klinik adalah bagi **guru-guru CCA** di **Sekolah Rendah**, **Menengah** dan **Tingkatan Enam** bagi **Kluster 1-6**

Jumlah Klinik : **10 Sesi**

Jumlah Kehadiran Sekolah : **88 Sekolah**

(69 Rendah, 15 Menengah, 4 Tingkatan Enam)

Jumlah Kehadiri Guru : **124 Guru**

Sesi Sosialisasi Sekolah Menengah: Pendekatan Baharu Pelaksanaan dan Pengiktirafan Aktiviti Kokurikulum Tahun 2021

BANDAR SERI BEGAWAN, 19 Oktober 2020, Isnin - Jabatan Pendidikan Kokurikulum melalui Unit Strategik dan Perhubungan Maklumat telah mengadakan Sesi Sosialisasi Pendekatan Baru Pelaksanaan dan Pengiktirafan Aktiviti Kokurikulum Tahun 2021 bagi Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab seluruh negara selama dua hari pada 17 dan 19 Oktober 2020 bertempat di Dewan Utama, Bangunan Baru, Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan.

Pada hari pertama sosialisasi, penerangan mengenai pendekatan baru dan pengiktirafan aktivti kokurikulum telah disampaikan oleh Yang Mulia Awang Mohamad Norilham bin Haji Jais, Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum.

Sambungan muka **35**

Jalan banjir kereta menyiah
Akibat hujan turun berterusan
Kelak bersemarak lagi meriah
Jadi wadah sepanjang zaman

Ugan Brunei

Dari sambungan Muka **34**

Pada hari kedua pula, penerangan tersebut telah disampaikan oleh Yang Mulia Dayang Hajah Hajidah binti Haji Abdul Wahab, Pemangku Penolong Pengarah Pendidikan Kokurikulum.

Turut menyampaikan taklimat ialah Yang Mulia Pengiran Hajah Mas Joliwane binti Pengiran Haji Tejudin Pemangku Ketua Pusat Kerjasama Sains, Teknologi & Alam Sekitar dan Yang Mulia Dayang Nurhafizah Izzati binti Haji Marali dari Pusat Keusahawanan Inovasi. Masing-masing menerangkan fungsi pusat berkenaan.

Selain itu, Pengiktirafan Aktiviti Kokurikulum bagi Pelajar Berkeperluan Khas turut disampaikan oleh Yang Mulia Pengiran Nurhaziqah Azmina binti Pg Hj Sahminan dan Yang Mulia Dayang Siti Aqilah binti Muhammad dari Unit Pendidikan Khas

Antara tujuan sosialisasi ini diadakan adalah untuk memberikan penerangan lebih lanjut mengenai Pendekatan Baru Pelaksanaan dan Pengiktirafan Aktiviti Kokurikulum yang mana fasa 1 akan dijangka dilaksanakan pada tahun 2021 mengikut peringkat yang telah ditetapkan.

Sesi Sosialisasi Sekolah Rendah: Pendekatan Baharu Pelaksanaan dan Pengiktirafan Aktiviti Kokurikulum Tahun 2021

BANDAR SERI BEGAWAN, 12 November 2020, Khamis - Jabatan Pendidikan Kokurikulum melalui Unit Strategik telah mengadakan Sesi Sosialisasi Pendekatan Baharu Pelaksanaan dan Pengiktirafan Aktiviti Kokurikulum Tahun 2021 bagi Sekolah -sekolah Rendah Kluster 1 dan 2 pada 11 November 2020 dan Sekolah-sekolah Rendah Kluster 3 dan 4 pada 12 November 2020 bertempat di Dewan Isyraq, Institut Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri.

Pada hari pertama sosialisasi, penerangan mengenai pendekatan baharu dan pengiktirafan aktivti kokurikulum telah disampaikan oleh Yang Mulia Awang Mohamad Norilham bin Haji Jais, Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum. Pada hari kedua pula, penerangan tersebut telah disampaikan oleh Yang Mulia Dayang Hajah Hajidah binti Haji Abdul Wahab, Pemangku Penolong Pengarah Pendidikan Kokurikulum.

Turut menyampaikan taklimat pada sesi sosialisasi itu ialah Yang Mulia Pengiran Hajah Mas Joliwane binti Pengiran Haji Tejudin Pemangku Ketua Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Manakala taklimat mengenai Pengiktirafan Aktiviti Kokurikulum bagi Pelajar Berkeperluan Khas turut disampaikan oleh Yang Mulia Salim bin Haji Puteh, Pegawai Pelajaran Kanan Unit Pendidikan Khas dan Yang Mulia Pengiran Nurhaziqah Azmina binti Pg Hj Sahminan, Pegawai Pelajaran Unit Pendidikan Khas. Masing-masing menerangkan fungsi pusat berkenaan.

Sambungan muka **37**

Dari sambungan muka **36**

Pada 25 November 2020, telah mengadakan Sesi Sosialisasi bagi Sekolah-sekolah Rendah Kluster 5 dan 6 bertempat di Dewan Galaxi, Sekolah Rendah Keriam, Tutong.

Sesi sosialisasi pendekatan baharu dan pengiktirafan aktivti kokurikulum telah disampaikan oleh Yang Mulia Awang Mohamad Norilham bin Haji Jais, Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum.

Turut hadir menyampaikan taklimat ialah Yang Mulia Dr. Andery Lim, Pegawai dari Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (STEP). Manakala taklimat mengenai Pengiktirafan Aktiviti Kokurikulum bagi Pelajar Berkeperluan Khas turut disampaikan oleh Yang Mulia Dyg Norahdianah binti Hj Mahadi, Pegawai Pelajaran, Unit Pendidikan Khas. Masing-masing menerangkan fungsi pusat berkenaan.

Antara tujuan sosialisasi ini diadakan adalah untuk memberikan penerangan lebih lanjut mengenai Pendekatan Baharu Pelaksanaan dan Pengiktirafan Aktiviti Kokurikulum yang mana fasa 1 dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2021 mengikut peringkat yang telah ditetapkan.

Yang merah dengan yang biru
Dua warna sepadan seirama
Yang lama berganti baru
Itulah Media-Koku diberi nama

Ugan Brunei

QUICK FACTS

JABATAN PENDIDIKAN KOKURIKULUM

Jalan 10
Kampong Perpindahan lambak Kanan
Berakas, BC2315
Negara Brunei Darussalam
Tel: 2333041. 2333043. 2333053 & 2333061
Fax: 2332977 & 2332976

PELAN STRATEGIK

- Membina dan memperkukuh kapasiti manusia untuk pelaksanaan kualiti program dan perkhidmatan aktiviti Kokurikulum
- Mempertingkatkan akauntabiliti dengan pihak berkepentingan yang relevan dalam inisiatif Pendidikan Kokurikulum
- Menyediakan pendidikan yang berkualiti, adil dan saksama

PEMANGKU PENGARAH
Yang Mulia Awang Mohamad Norilham Bin Hj Jais

PEMANGKU PENOLONG PENGARAH
Yang Mulia Dayang Hajah Hajidah Binti Haji Abd Wahab

121

50	Pegawai	30
13	Kakitangan	28

UMS	Urusetia Majlis Sukan [12]
UJ	Unit Jasmani [10]
UR	Unit Rohani [6]
UA	Unit Akli [9]
UB	Unit Beruniform dan Perkhidmatan Kemasyarakatan [7]
UP	Unit Pentadbiran [12]
UPD	Unit Pengurusan Data [5]
UK	Unit Pengurusan Kluster [17]

JUMLAH KEPEGAWAIAN MENGIKUT KOMPETENSI

- SUKAN 29
- KEAGAMAAN 8
- BAHASA DAN SASTERA 10
- UMUM 33

FAKTA DAN ANGKA

JAN-DIS 2018	JAN-DIS 2019	JAN-NOV 2020	JAN-NOV 2021
174 AKTIVITI	136 AKTIVITI	74 AKTIVITI	174 JANGKAAN AKTIVITI
22,273 PELAJAR	18,019 PELAJAR	4,368 PELAJAR	18,374 JANGKAAN PELAJAR (NORMA BIASA)

Ucapan Penghargaan
DAN TERIMA KASIH

Unit Perhubungan Awam, Kementerian Pendidikan

Guru-Guru dan **Pelajar-Pelajar**
yang menyertai Kegiatan dan Aktiviti Kokurikulum

Sekolah-Sekolah dan **Pihak berkepentingan**
dalam penyelarasan dan pelaksanaan kegiatan dan aktiviti kokurikulum

Semoga sumbangan dan kerjasama yang diberikan akan mendapat ganjaran yang setimpal daripada Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua.

Secangkir teh

Sepiring bertih

Nikmati sebelum berlatih

BULETIN RASMI PENDIDIKAN KOKURIKULUM

MEDIA KOKU

info.dcce@moe.gov.bn
Department of Co-Curricular Education Brunei
infoDCCE.bn
+673 233 3041/43/53/54
FAX +673 233 2974
moe.gov.bn